



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
18 Disember 2019**

ASNB UMUM JUMLAH PEMBAYARAN PENGAGIHAN RM9.0 BILION BAGI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) syarikat unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan 5.50 sen seunit untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (TK2019), merangkumi pengagihan pendapatan 5.00 sen seunit dan bonus 0.5 sen seunit. Pembayaran pengagihan berjumlah RM9.0 bilion akan memanfaatkan 10 juta pemegang unit yang memiliki 167.2 bilion unit dalam ASB.
- ASNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan 2.75 sen seunit bagi dana harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN), bagi TK2019. Ini mencerminkan hasil dividen 4.4% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana setakat 16 Disember 2019. Pembayaran pengagihan berjumlah RM49.0 juta akan memanfaatkan lebih 1.22 juta pemegang unit dengan lebih 1.78 bilion unit.
- Dalam keadaan pasaran tempatan dan antarabangsa yang mencabar, PNB mencatatkan prestasi berpatutan pada 2019. Bagi 11 bulan pertama tahun kewangan, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat sebanyak 5.7% kepada RM311.9 bilion pada TK2019, manakala Pendapatan Bersih Proforma PNB serta unit amanahnya kekal stabil pada RM10.7 bilion.

Kuala Lumpur, 18 Disember 2019: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan dana harga berubah, Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (TK2019) pada taklimat media yang diadakan di Menara PNB hari ini.

PENGAGIHAN PENDAPATAN UNIT AMANAH ASNB

Amanah Saham Bumiputera (ASB)

ASNB telah mengumumkan pembayaran pengagihan 5.50 sen seunit bagi dana utamanya, ASB bagi TK2019 merangkumi pengagihan pendapatan 5.00 sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit.

Jumlah keseluruhan pembayaran pengagihan bernilai RM9.0 bilion ini akan memanfaatkan 10 juta pemegang unit yang memiliki 167.2 bilion unit. Ini menjadikan jumlah pengagihan pendapatan dan bonus terkumpul dana sebanyak RM152.0 bilion telah dibayar oleh PNB kepada pemegang unit setakat ini sejak mula diperkenalkan pada 1990.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Akibat daripada ketidaktentuan pasaran kewangan dan perang dagang US-China yang berterusan, dengan perdagangan global yang perlahan yang menjejaskan permintaan luar dan prestasi eksport bagi pasaran serantau, persekitaran pasaran telah menjadi lebih mencabar pada 2019. Di sebalik keadaan mencabar ini, ASB berjaya memberikan jumlah agihan pendapatan sebanyak RM9.0 bilion bagi TK2019, hasil keuntungan terperoleh daripada peningkatan pelaburan luar negara yang dirancang di bawah rangka kerja Peruntukan Aset Strategik PNB ternyata seperti perancangan.”

Setakat 16 Disember, Komposit Indeks Kuala Lumpur (KLCI) menurun sebanyak 7.2% setakat ini, menjadikannya antara indeks dengan prestasi terendah di dunia. Ini merupakan tahun kelima daripada enam tahun berturut-turut pasaran tempatan mencatatkan pulangan negatif, jelas beliau.

Prestasi dana dibandingkan dengan Deposit Tetap 12-Bulan Maybank bagi TK2019, menunjukkan prestasi mengatasi penanda arasnya sebanyak 2.4%. Berbanding dengan harga pasaran komposit FTSE Bursa Malaysia KLCI setakat 16 Disember 2019, ASB telah mengatasi Indeks dengan 12.7%.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan bonus ASB adalah berdasarkan baki purata minimum bulanan yang dimiliki sepanjang tahun kewangan dana. Unit yang dilaburkan semula dari pengagihan pendapatan dan bonus akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2020.

Amanah Saham Nasional (ASN)

ASNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan 2.75 sen seunit untuk ASN bagi TK2019. Ini mencerminkan hasil dividen sebanyak 4.4% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) dana setakat 16 Disember 2019.

Jumlah pembayaran pengagihan sebanyak RM49.0 juta akan memanfaatkan 1.22 juta pemegang unit dengan pegangan lebih 1.78 bilion unit. Setakat 30 November 2019, ASN mencatatkan pendapatan bersih RM53.5 juta bagi 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN adalah berdasarkan unit yang dimiliki setakat 31 Disember 2019. Pengagihan pendapatan tersebut akan dilaburkan semula sebagai unit-unit tambahan dan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 2 Januari 2020, berdasarkan NAB seunit setakat 31 Disember 2019.

Urus niaga bagi ASB dan ASN telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 18 Disember 2019 hingga 1 Januari 2020 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal myASNB di myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASNB atau di mana-mana pejabat cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga diteruskan semula pada 2 Januari 2020.

PRESTASI PNB PADA TAHUN 2019

Di sebalik tahun yang mencabar bagi pasaran tempatan dan antarabangsa, PNB mencatatkan prestasi yang berpatutan bagi 2019. Bagi 11 bulan pertama tahun kewangannya, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB meningkat sebanyak 5.7% kepada RM311.9 bilion, dari tahun kewangan sebelumnya, manakala pendapatan bersih proforma PNB dan dana unit amanahnya mencatatkan sejumlah RM10.7 bilion.

Unit dalam edaran turut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.5% kepada 253.8 bilion unit bagi kesemua 14 dananya. PNB terus memberikan pulangan mampan kepada para pemegang unit dengan mencatatkan jumlah pembayaran sebanyak RM13.2 bilion merentasi semua dana bagi tahun 2019.

Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik 2017-2022 telah dilaksanakan pada tahun ini, bagi membolehkan PNB meneguhkan empat bidang utamanya iaitu Peruntukan Aset Strategik dan Pengurusan Kecairan Optimum, Pengurusan Risiko Organisasi dan Transformasi Organisasi.

ASNB turut mempertingkatkan pengalaman pengguna dengan memperluaskan penawaran produk digital dengan pelancaran aplikasi mudah alih myASNB. Aplikasi ini diperkenalkan dengan matlamat untuk memudahkan urusan dan memenuhi keperluan gaya hidup generasi muda telah dilancarkan bersempena dengan Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 di Sungai Petani, Kedah pada April tahun ini.

PNB juga telah membuka galeri pameran bagi pembangunan, Merdeka 118 di Kenanga International Building, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Galeri pameran ini memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat ciri-ciri penting lokasi pembangunan Merdeka 118 dan keterhubungannya dengan tempat-tempat lain di sekitar Kuala Lumpur berserta aspek-aspek teknikalnya.

Terletak di kawasan utama di tengah-tengah Kuala Lumpur dan merupakan penyatuan di antara seni bina bersejarah dan kontemporari, pembangunan ikonik ini sememangnya mencerminkan aspirasi PNB menuju masa depan.

TINJAUAN

Melangkah ke hadapan, PNB mensasarkan untuk mempercepatkan strategi kepelbagaian ke semua kelas aset, serta meneruskan pelan penciptaan nilai bagi syarikat-syarikat strategik dan terasnya.

Tan Sri Dr Zeti berkata, “PNB akan terus mengemudi pelaburannya dalam persekitaran yang mencabar ini sepertimana yang telah kami lakukan selama lebih 40 tahun, untuk memastikan PNB terus memberi pulangan mampan kepada para pemegang unit. Kami akan terus memperkukuhkan portfolio pelaburan melalui strategi kepelbagaian, pengurusan risiko yang lebih teliti dan meningkatkan kecekapan dalaman menerusi rancangan transformasi organisasi yang progresif.”

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 253.8 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad



ASB

RM **9.0** BILION
JUMLAH PENGAGIHAN

kepada
10 MILION
PELABUR



PENGAGIHAN
PENDAPATAN

5.00

SEN SE UNIT

+

BONUS

0.50

SEN SE UNIT


=

JUMLAH
PENGAGIHAN

5.50

SEN SE UNIT

Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap & FBM KLCI



Note:

¹ Kadar Deposit Tetap Maybank 12-Bulan;

² Pulangan Harga FBM KLCI setakat 16 Disember 2019



RM **152** BILION

Jumlah pengagihan kepada
semua pelabur ASNB
sejak penubuhan

Prospektus induk tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2017, serta prospektus tambahan bertarikh 15 Disember 2017, 1 April, 9 Julai, 14 September 2018 dan 2 Januari 2019 ("Prospektus") dan ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2 bertarikh 18 September 2018 ("Prospektus") telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu tabung bukan jaminan prestasi masa hadapan.